

21/09/2002

Potongan cukai bantu PKS berkembang

INSTITUT Percukaian Malaysia (MIT) yakin potongan cukai pendapatan yang diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan membantu mengembangkan lagi sektor itu.

MIT dalam kenyataannya bagi mengulas Bajet 2003 berkata, pada keseluruhannya, bajet yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilihat akan membantu menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan.

"Ia juga memberi insentif untuk menggalakkan pelaburan domestik dalam semua sektor tanpa bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI)," katanya.

MIT berkata, pelbagai insentif yang diperkenalkan itu menunjukkan kerajaan kini mengambil pendekatan baru dengan melihat pelbagai masalah menerusi pandangan rakyat negara ini.

Sementara itu, Penasihat Cukai di Ernst & Young Tax Consultant Sdn Bhd, Harpal Singh Dhillon, berkata walaupun kerajaan tidak menurunkan cukai korporat, pelbagai insentif yang diberikan sudah cukup untuk membantu menggalakkan lagi kegiatan perniagaan tempatan.

"Secara peribadi saya tidak menjangkakan potongan dalam cukai korporat kerana ia masih rendah berbanding beberapa negara lain.

"Lagipun adalah lebih baik untuk memberi insentif berbanding potongan cukai kerana kesannya untuk jangka panjang adalah lebih besar," katanya.